



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


22 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 218 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 245,473 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Papar. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 171 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 237,684 orang. Manakala 687 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 379 orang di hospital, 300 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan lapan (8) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 19 orang merangkumi 16 di ICU/repurposed kritikal care serta tiga (3) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan lima (5) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 21 (29.58%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Telupid berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning tujuh (7) daerah.
- Zon Jingga tiga (3) daerah.
- Zon Merah 17 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes baharu kembali meningkat setelah turun 80 kes kelmarin berbanding sebelumnya. Jumlah kes baharu hari ini ialah 218 kes, 42 kes lebih tinggi daripada kelmarin.
- b. Sembilan (9) daerah mencatatkan kes dua (2) angka hari ini, antaranya ialah Tuaran 37 kes (+22), Kota Kinabalu 34 kes (-7), Sandakan 21 kes (+9), Penampang 19 kes (tak berubah) dan Putatan 17 kes (+13). Sejumlah 12 daerah lagi mencatatkan kes satu (1) angka dan enam (6) daerah tidak merekodkan sebarang kes baharu.
- c. Satu (1) lagi kluster institusi pendidikan timbul di Ranau hari ini yang diberi nama Kluster Jalan Bypass Kologon. Indeks kes ialah seorang pelajar asrama perempuan SMK Kundasang yang berumur 16 tahun yang mula bergejala pada 17 Januari 2022, kemudian melakukan ujian kendiri dan disahkan positif melalui saringan PCR. Saringan keatas kontak rapat yang melibatkan 70 orang telah dilakukan oleh JKNS dan setakat ini enam (6) lagi pelajar rakan sebilik indeks kes didapati positif. Kesemua pesakit adalah dalam Kategori 1 dan 2 sahaja dan telah diasingkan serta diberi rawatan yang sesuai.
- d. Seramai 215 orang daripada 218 pesakit baharu hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2, dan tiga (3) orang dalam Kategori 3. Tidak ada pesakit dalam Kategori 4 dan 5.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (111) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	24	11.01%
2	Kontak	111	50.92%
3	Bergejala	77	35.32%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	6	2.75%
JUMLAH		218	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (21 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 21/01/2022	Catatan Kes 22/01/2022	Perbandingan
1	Tuaran	15	37	+22
2	Putatan	4	17	+13
3	Sandakan	12	21	+9
4	Tawau	4	13	+9
5	Tenom	3	7	+4
6	Kota Marudu	11	13	+2
7	Keningau	4	6	+2
8	Kuala Penyu	2	4	+2
9	Kunak	0	2	+2
10	Semporna	0	1	+1
11	Telupid	0	1	+1
12	Penampang	19	19	Mendatar
13	Sipitang	6	6	Mendatar
14	Tambunan	1	1	Mendatar
15	Kinabatangan	1	1	Mendatar
16	Nabawan	0	0	Mendatar
17	Kalabakan	0	0	Mendatar
18	Beluran	0	0	Mendatar
19	Kota Kinabalu	41	34	-7
20	Lahad Datu	5	1	-4
21	Papar	15	12	-3
22	Beaufort	13	10	-3
23	Kudat	3	0	-3
24	Pitas	2	0	-2
25	Kota Belud	6	5	-1
26	Tongod	1	0	-1
27	Ranau	8	7	-1
JUMLAH		176	218	+42

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (8 Januari – 21 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Tuaran	0	28	8	0	1	37	312
Kota Kinabalu	0	22	12	0	0	34	623
Sandakan	11	3	6	0	1	21	209
Penampang	0	11	8	0	0	19	297
Putatan	5	7	5	0	0	17	109
Kota Marudu	0	8	5	0	0	13	123
Tawau	0	9	3	0	1	13	84
Papar	0	4	8	0	0	12	196
Beaufort	0	3	6	0	1	10	86
Ranau	5	0	0	0	2	7	232
Tenom	0	5	2	0	0	7	78
Sipitang	0	5	1	0	0	6	54
Keningau	0	3	3	0	0	6	129
Kota Belud	0	2	3	0	0	5	135
Kuala Penyu	3	0	1	0	0	4	72
Kunak	0	1	1	0	0	2	5
Lahad Datu	0	0	1	0	0	1	26
Kinabatangan	0	0	1	0	0	1	88
Tambunan	0	0	1	0	0	1	94
Telupid	0	0	1	0	0	1	21
Semporna	0	0	1	0	0	1	7
Kudat	0	0	0	0	0	0	19
Pitas	0	0	0	0	0	0	17
Tongod	0	0	0	0	0	0	15
Beluran	0	0	0	0	0	0	27
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	6
Nabawan	0	0	0	0	0	0	9
JUMLAH	24	111	77	0	6	218	3,073

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Jalan Bypass Kologon	5
Sandakan	Kluster Jalan Pertukangan	11
Putatan	Kluster Pandan Pandan	5
Kuala Penyu	Kluster Kayul	3
Jumlah		24

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Bypass Kologon - Ranau adalah kluster jenis institusi pendidikan yang menular dalam kalangan pelajar asrama di SMK Kundasang, Ranau. Kes indeks merupakan perempuan, 16, pelajar Tingkatan 4 di SMK Kundasang yang bergejala sejak 17 Januari 2022, kemudian menjalani ujian saringan kendiri pada tarikh sama. Sebaik didapati positif COVID-19, kes indeks memaklumkan kepada pihak sekolah dan terus dikuarantin, sebelum dibawa ke klinik pada 19 Januari 2022 bagi melakukan saringan ulangan pengesahan dan disahkan positif RT PCR. Saringan terhadap 70 kontak berjaya mengesan enam (6) lagi kes positif menjadikan jumlah kumulatif sebanyak tujuh (7) kes. Semua kes dalam kategori ringan (1 dan 2) dan telah diasingkan serta diberi rawatan yang sesuai.

7 Jumlah kapasiti katil 3,754 unit

- Hospital 1,157 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,407 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 18.30%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 22 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	217
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	218

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	215
Bukan Malaysia	3
Jumlah	218

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	30
Belum Menerima Vaksin	25
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	137
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	26
Jumlah	218

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	0
1 to 5	14
6 to 11	16
12 to 17	38
18 to 25	31
26 to 59	9
>60	20
Jumlah	218

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 21 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 8,989 orang. Daripada jumlah ini, seramai 8,890 orang adalah penduduk dewasa dan 99 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 21 Januari 2022 adalah seramai 2,453,487 orang. Ini meliputi 2,116,342 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.72% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,409,276 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,096,715 orang atau 76.01% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,145 orang atau 77.68% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,561 atau 72.02% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **680,005** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 6,865 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 44 hebah melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 160 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 40 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,223 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
 - ii premis perniagaan dan 5,700 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 173 Premis Perniagaan melibatkan 87 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 50 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 65 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.7%
2	Semporna	98.5%
3	Kudat	98.4%
4	Beluran	98.4%
5	Kinabatangan	98.3%
6	Papar	98.1%
7	Kota Kinabalu	98.1%
8	Lahad Datu	98%
9	Keningau	98%
10	Sandakan	98%
11	Beaufort	98%
12	Ranau	98%
13	Kota Marudu	98%
14	Kota Belud	97.8%
15	Tenom	97.8%
16	Sipitang	97.8%
17	Tuaran	97.8%
18	Tawau	97.8%
19	Penampang	97.7%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II